
AUTHOR: Mohd Zaky Zainuddin SECTION: BISNES PAGE: 23 PRINTED SIZE: 423.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 5,061.00 ITEM ID: MY0069135322



06 MAY, 2026

MARA Corp Group rangka pelaburan strategik RM2.2b

Berita Harian, Malaysia

MARA Corp Group rangka pelaburan strategik RM2.2b

Tiga inisiatif berimpak tinggi jana nilai baharu kepada kumpulan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my



Zulfikri (tengah) pada sidang media khas Pelaburan MARA di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

MARA Corp Group merangka pelaburan strategik berjumlah RM2.2 bilion menerusi pelaksanaan tiga inisiatif berimpak tinggi bagi menjana nilai baharu kepada kumpulan induknya, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Pelaburan itu merangkumi tiga komponen utama iaitu pembangunan hartanah berimpak tinggi dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) sekitar RM1 bilion, inisiatif kredit karbon patuh Syariah yang berpotensi menjana pendapatan sehingga RM450 juta serta pembangunan masa depan di Pulau Indah, Selangor.

Ketua Pengarah MARA merangkap Pengerusi MARA Corporation Sdn Bhd, Datuk Zulfikri Osman, berkata keseluruhan inisiatif berkenaan dirangka secara menyeluruh bagi memperkukuh asas aset serta meningkatkan keupayaan jangka panjang kumpulan.

Beliau berkata, pendekatan itu juga bertujuan mempelbagaikan aliran pendapatan selain memastikan portfolio pelaburan MARA kekal berdaya tahan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

"Semua inisiatif ini disusun secara strategik untuk memperkukuh asas aset MARA, di samping membuka sumber pendapatan baharu yang mampan.

"Langkah ini juga penting bagi meningkatkan daya tahan jangka panjang portfolio pelaburan kumpulan, daya tahan kewangan serta disiplin operasi organisasi," katanya pada sidang media khas Pelaburan MARA di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MARA Corp Group, Datuk Amir Azhar Ibrahim; dan Pengarah Kanan Pelaburan MARA, Dr Azmi Amat Murjan.

Projek sehingga 2030

Mengulas lanjut, Zulfikri berkata, tempoh pelaksanaan keseluruhan projek terbabit dijangka berlangsung sehingga 2030, namun setiap inisiatif mempunyai garis masa tersendiri mengikut fasa pembangunan masing-masing.

Bagi segmen pembangunan hartanah, tiga projek utama dikenal pasti iaitu Signal Hill di Kota Kinabalu; Ampangan di Negeri Sembilan serta Jalan Maktab di Kuala Lumpur berhampiran Keramat.

Katanya, ketiga-tiga projek berkenaan dianggarkan mempunyai GDV keseluruhan sekitar RM1 bilion dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2030.

"Berdasarkan anggaran GDV, projek ini dijangka memberi pulangan positif kepada kumpulan serta menyumbang kepada aliran keuntungan yang lebih mampan pada masa hadapan," katanya.

Dalam pada itu, inisiatif kredit karbon patuh Syariah yang diterokai MARA dijangka melibatkan kawasan melebihi 200,000 hektar.

Beliau berkata, projek berkenaan berpotensi menjana hasil sehingga RM450 juta menjelang 2030, sekali gus membuka dimensi baharu dalam penjanaan pendapatan berteraskan kelestarian.

Sementara itu, MARA melalui entiti pelaburannya merancang untuk membawa dua institusi pendidikan miliknya ke Bursa Malaysia dalam tempoh tiga tahun akan datang sebagai sebahagian strategi memperkukuh nilai komersial kumpulan.


Zulfikri berkata, inisiatif tawaran awam permulaan (IPO) Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) sudahpun bermula dan kini berada pada peringkat awal perancangan.

"Kita yang merancang untuk ke IPO dalam tempoh tiga tahun daripada sekarang, dan inisiatif itu telahpun bermula," katanya.

Beliau menjelaskan, sasaran semasa adalah untuk merealisasikan penyenaraian kedua-dua institusi berkenaan sebelum akhir tahun 2028, merangkumi tempoh pelaksanaan bermula 2026 hingga 2028.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: Mohd Zaky Zainuddin SECTION: BISNES PAGE: 23 PRINTED SIZE: 423.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 5,061.00 ITEM ID: MY0069135322



06 MAY, 2026

MARA Corp Group rangka pelaburan strategik RM2.2b

Berita Harian, Malaysia

SUMMARIES

Tiga inisiatif berimpak tinggi jana nilai baharu kepada kumpulan
Oleh Mohd Zaky Zainuddin zaky@bh.com.my
MARA Corp Group merangka pelaburan strategik berjumlah RM2.2 bilion menerusi pelaksanaan tiga inisiatif berimpak tinggi bagi menjana nilai baharu kepada kumpulan induknya, Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.